



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

JULAI 2026



SAMBUTAN HARI PAHLAWAN

24 JULAI 2026M | 09 SAFAR 1448H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا.
مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Bertakwalah kepada Allah ﷻ dengan sebenar-benar takwa, laksanakan segala perintah-Nya, dan tinggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah ﷻ di dunia dan akhirat.



Sidang jemaah yang dimuliakan

Sesungguhnya keamanan, kestabilan dan kemakmuran yang kita nikmati pada hari ini bukanlah datang dengan mudah. Ia adalah hasil perjuangan, pengorbanan dan jasa generasi terdahulu yang sanggup mempertaruhkan masa, tenaga, harta bahkan nyawa demi memastikan negara terus aman dan berdaulat.

Dalam Islam, mempertahankan dan menjaga keamanan negara merupakan tanggungjawab agama. Negara yang aman membolehkan syariat dilaksanakan, ibadah ditunaikan, ilmu disebarkan, ekonomi dibangunkan dan kehidupan masyarakat diurus dengan teratur. Allah ﷻ berfirman dalam Surah al-Anfal ayat 60:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ وَءَاخِرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ ۚ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ ﴿٦٠﴾

Yang bermaksud: "Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya."



Sidang jemaah yang dikasihi Allah ﷺ

Rasulullah ﷺ menegaskan kemuliaan bagi mereka yang berjuang mempertahankan hak dan keselamatan melalui sabda Baginda ﷺ dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud:

مَنْ قُتِلَ دُونَ مَالِهِ فَهُوَ شَهِيدٌ وَمَنْ قُتِلَ دُونَ دِينِهِ فَهُوَ شَهِيدٌ وَمَنْ قُتِلَ دُونَ دَمِهِ فَهُوَ شَهِيدٌ
وَمَنْ قُتِلَ دُونَ أَهْلِهِ فَهُوَ شَهِيدٌ

Yang bermaksud: "Barang siapa yang terbunuh kerana mempertahankan hartanya maka dia syahid, barang siapa yang terbunuh kerana mempertahankan agamanya maka dia syahid, barang siapa yang terbunuh kerana mempertahankan nyawanya maka dia syahid, dan barang siapa yang terbunuh kerana mempertahankan keluarganya maka dia syahid."

Sidang jemaah yang dirahmati Allah ﷺ

Pada 31 Julai setiap tahun, negara kita memperingati Hari Pahlawan sebagai tanda penghargaan terhadap jasa dan pengorbanan para perwira negara. Mereka terdiri daripada anggota tentera, polis dan pasukan keselamatan. Malah berdasarkan sejarah, golongan ini turut melibatkan raja-raja melayu, para cendekiawan, para ulama, tuan-tuan guru serta anak-anak murid mereka yang telah berjuang sejak dari zaman penjajahan Portugis, Belanda, British dan Jepun, sehinggalah ke era darurat menentang komunis demi mempertahankan tanah air daripada ancaman musuh yang cuba menggugat kedaulatan negara.



Mereka meninggalkan keluarga, menghadapi kesusahan dan hidup dalam serba kekurangan demi memastikan rakyat dapat hidup dalam keadaan aman. Bahkan tidak sedikit yang gugur ketika menjalankan tugas mempertahankan negara.

Justeru, sambutan Hari Pahlawan bukan sekadar acara tahunan atau upacara rasmi semata-mata. Ia adalah medan untuk menyuburkan rasa syukur, mengenang jasa para pejuang dan menanam kesedaran bahawa keamanan yang dinikmati hari ini mempunyai harga yang sangat bernilai.

Sidang jemaah sekalian

Hari ini, perjuangan kita masih belum selesai. Musuh tidak lagi datang dengan senjata, tetapi dengan racun pemikiran, perpecahan kaum, keruntuhan moral dan kebencian terhadap agama. Kita mesti menyemai nilai cintakan negara dan kesedaran agama khususnya kepada generasi muda kita supaya agama, bangsa dan negara mampu dipertahankan. Jangan biarkan generasi akan datang buta sejarah, lupa jasa pahlawan dan memandang ringan pengorbanan generasi masa lalu.

Ibn Khaldun menegaskan bahawa kekuatan sesebuah negara bergantung kepada perpaduan rakyatnya. Apabila perpecahan, permusuhan dan pengkhianatan berleluasa, maka negara akan menjadi lemah dan mudah dikuasai pihak lain.

Ketahuilah bahawa menjaga keamanan, kedaulatan dan perpaduan negara adalah amanah. Maka menjadi kewajipan setiap Muslim untuk memelihara amanah tersebut dengan penuh rasa tanggungjawab dan keinsafan.

Sidang jemaah sekalian

Di kesempatan ini juga, marilah kita sama-sama berdoa kepada Allah ﷻ agar melimpahi rahmat kepada para pahlawan yang berjuang dan berkhidmat demi agama, bangsa dan negara serta menjadikan kita hamba-hamba-Nya yang sentiasa bersyukur atas nikmat keamanan dan menghargai jasa para pahlawan.

Beberapa pengajaran boleh diambil melalui khutbah pada hari ini, antaranya:

- Pertama: Keamanan, kestabilan dan kemakmuran yang kita nikmati pada hari ini adalah hasil perjuangan dan pengorbanan generasi terdahulu dan ia merupakan anugerah yang sangat berharga dan perlu disyukuri.
- Kedua: Setiap lapisan masyarakat hendaklah sentiasa memperkukuhkan pegangan agama dan perpaduan kerana kekuatan sesebuah negara adalah bergantung kepada jati diri rakyatnya.
- Ketiga: Keamanan dan kedaulatan negara adalah amanah yang perlu dipertahankan oleh setiap Muslim dengan penuh rasa tanggungjawab dan keinsafan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

فَلْيُقَاتِلْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِينَ يَشْرُونَ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا بِالْآخِرَةِ وَمَن يُقَاتِلْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَيُقْتَلْ أَوْ يَغْلِبْ
فَسَوْفَ نُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿٧٦﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ
اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.